

Dr Zeti Menang Anugerah IDB Dalam Perbankan Dan Kewangan Islam 2012
Bernama
6 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz diumumkan sebagai pemenang Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) dalam Perbankan dan Kewangan Islam 2012.

IDB dalam kenyataan hari ini berkata Zeti menerima penghargaan itu atas sumbangan besarnya dalam mempromosi perbankan dan kewangan Islam.

Zeti akan menerima anugerah itu pada Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor IDB ke-37 di Khartoum, Sudan dari 3 dan 4 April, katanya.

Presiden IDB Dr Ahmad Mohamed Ali memuji Zeti atas kejayaan serta sumbangan bermakna beliau dalam membangunkan industri perkhidmatan kewangan Islam.

IDB mewujudkan anugerah itu sejak 1988 dengan matlamat memperakui, memberi ganjaran dan menggalakkan aktiviti luar biasa dalam mempromosi ekonomi, perbankan dan kewangan Islam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650388>